

Publication: Soya Cincau (BM)

Date: 18th June, 2019

Headline: E-Commerce Platform 11street Now Known As PrestoMall




Laman e-dagang 11street kini dikenali sebagai PrestoMall




11street, laman e-dagang terkemuka di Malaysia hari ini mengumumkan penukaran namanya kepada [PrestoMall](#). Ia kini menjadi sebahagian [Presto](#), platform pemasaran sosial yang menawarkan pelbagai ganjaran.

11street sebelum ini terhasil dari kerjasama antara Axiata Digital dari Malaysia, dan SK Planet dari Korea Selatan. Di awal ketibaannya, 11street membawa beberapa artis dari Korea untuk mempromosi diri mereka di Malaysia, antaranya ialah Lee Minho dan Haha dari Running Man, Tetapi sejak kedatangan Shopee ke Malaysia, 11street kelihatan semakin kurang mendapat sambutan.



Dari laman utama PrestoMall, ia kelihatan tidak banyak berbeza dengan 11street sebelum ini. Beberapa stor rasmi juga masih kelihatan di sana seperti Samsung dan Honor.

Menurut Presto, mereka akan memperkenalkan fungsi menarik, kempen dan perkhidmatan baru untuk pengguna. Antara yang disenaraikan ialah tawaran eksklusif dari produk tempatan dan antarabangsa, jualan harga terendah dijamin, stor rasmi produk, kupon pembelian dan banyak lagi.



Bagi pengguna sedia ada 11street, anda masih boleh mendaftar masuk ke PrestoMall menggunakan akaun 11street. Semua sejarah pembelian masih terdapat di sana.

Semoga PrestoMall akan memberi tawaran yang kompetitif kepada pengguna dan memberi saingan sengit kepada Lazada dan Shopee, laman e-dagang yang popular di Malaysia.

Sumber: [Presto](#)